

0769/1 ku-2(58)



MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG

PEJABAT YANG DIPERTUA
ARAS 17, KOMTAR, JALAN PENANG
10675 GEORGE TOWN, PULAU PINANG.
Telefon: +(6)04 259 2020 Faks: +(6) 04 263 7868



Rujukan tuan:

Rujukan Kami: JKM/PDG/01-3 Jld IV

Tarikh: 03hb Jamadilakhir 1433H
24hb April 2012

Dr. Francis Loh
Presiden
Persatuan Aliran Kesedaran Negara (ALIRAN)
103, Medan Penaga
11600 Jelutong
Pulau Pinang

Tel: 04-6585251/012-4524885/Faks:04-6585197

Tuan

BERSIH 3.0 DUDUK BANTAH DI PADANG KOTA LAMA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada email tuan bertarikh 21 April 2012 mengenai perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Pulau Pinang tiada bantahan di atas permohonan tuan untuk menggunakan Padang Kota Lama bagi menganjurkan program Bersih 3.0 Duduk Bantah pada tarikh yang dinyatakan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

2.1. Tarikh Acara

28 April 2012 (Sabtu)

2.2. Masa

2.00 petang hingga 4.00 petang.

2.3. Tempat Letak Kereta

Penganjur juga adalah diminta supaya mendapatkan kelulusan daripada Pengarah Perbendaharaan Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Tingkat 15, Komtar, Pulau Pinang (Talian: 04-2592122), bagi sebarang penggunaan yang melibatkan petak letak kereta Majlis.

2.4. Penjualan Dan Pengiklanan Arak

Sebarang penjualan, pengiklanan dan promosi minuman arak adalah tidak dibenarkan sama sekali. Sebarang aktiviti promosi dan penjualan produk-produk lain perlu mendapatkan kebenaran Bahagian Perlesenan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Kompleks MPPP, Tempat Letak Kereta, Lebuhraya Pantai, 10300 Pulau Pinang (Talian : 04-2638818)



George Town Penang, host City of the 5th TPO Forum 2012.



2.5. Perkhidmatan Kebersihan

Tuan adalah dikehendaki melantik kontraktor pembersihan untuk membuat pembersihan semasa acara berlangsung. Sekiranya pembersihan tidak dijalankan dengan memuaskan maka penalti RM5,000.00 dikenakan kepada pihak penganjur.

2.6. Sambungan Elektrik

Pihak penganjur dikehendaki menghubungi TNB untuk tujuan sambungan elektrik. Sebarang pemasangan elektrik secara haram dari bangunan atau tiang elektrik Majlis akan dikenakan caj.

2.7. Keselamatan Dan Penutupan Jalan

Perkara berkaitan keselamatan semasa acara tersebut adalah di bawah tanggungjawab pihak penganjur. Sebarang penutupan jalan perlu mendapat kelulusan pihak polis terlebih dahulu.

2.8. Kerja-Kerja Mandiri Dan Memungkah Khemah

- i) Sebarang pembinaan pentas adalah tidak dibenarkan sama sekali. Pengguna hendaklah menggunakan pentas yang disediakan.
- ii) Kerja-kerja mendirikan khemah:
 - a) Tarikh Mendirikan Khemah
 - b) Tarikh Akhir Memungkah Khemah
 - c) Kelewatan memungkah akan dikenakan caj RM1,000.00 sehari.

2.9 Sebarang penggunaan Padang Kota Lama bagi kerja-kerja perslapan tempat dan pengosongan tempat selain dari tarikh dipohon, hendaklah dimaklumkan segera kepada Majlis supaya tindakan sewajarnya dapat diambil.

2.10 Pematuhan Syarat

Pihak penganjur adalah bertanggungjawab di atas sebarang kerosakan harta benda Majlis dan keselamatan awam sepanjang berlangsungnya program tersebut di atas.

Sekian, dimaklumkan. Terima kasih.

"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(PATAHIYAH BINTI ISMAIL)

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Pulau Pinang